

Peranan Kepimpinan Terhadap Peningkatan Kemahiran Generik dalam TVET untuk Kebolehpasaran Graduan

The Role of Leadership in Enhancing Generic Skills in TVET for Graduate Employability

Mohd Aiiman Farmadhi Mohd Sarofil¹, Marina Ibrahim Mukhtar^{1*}

¹ Faculty of Technical & Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: marina@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jttr.2025.03.01.006>

Maklumat Artikel

Diserah: 8 Februari 2025
Diterima: 17 Jun 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

TVET, kepimpinan, kemahiran insaniah, kemahiran generik, kebolehpasaran graduan

Abstrak

Kepimpinan merupakan elemen penting dalam pembangunan kemahiran insaniah atau generik, terutamanya dalam konteks Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kemahiran seperti komunikasi, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, kepimpinan serta profesionalisme adalah kritikal untuk memastikan pelajar TVET mampu memenuhi keperluan pasaran kerja yang dinamik. Walaupun kemahiran kepimpinan dianggap sebagai salah satu daripada 5 asas kemahiran generik, kemahiran ini mempunyai pengaruh besar dalam membentuk kemahiran generik lain. Sehubungan dengan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka kajian teori berkaitan peranan kepimpinan terhadap peningkatan kemahiran generik dalam TVET untuk kebolehpasaran graduan. Kajian ini menggunakan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR) untuk meneroka kaitan antara amalan kepimpinan dan peningkatan kemahiran generik dalam kalangan pelajar TVET untuk kebolehpasaran graduan. Proses kajian melibatkan pencarian literatur daripada pangkalan data utama seperti *Scopus*, *Web of Science*, *Research Gate* dan lain-lain, dengan menggunakan kata kunci berkaitan. Daripada kajian literature 21 artikel telah dipilih, hasil analisis menunjukkan bahawa sifat kepimpinan memberi kesan positif dalam membina kemahiran insaniah dan generik pelajar, terutamanya dalam bidang TVET. Hasil kajian ini juga memberikan panduan kepada pemimpin institusi TVET, pembuat dasar, dan penyelidik untuk membangunkan strategi yang lebih terarah dalam meningkatkan kemahiran generik pelajar yang mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan, melalui pendekatan kepimpinan yang strategik.

Keywords

TVET, leadership, soft skills, generic skills, graduate employability

Abstract

Leadership is a critical element in the development of soft or generic skills, particularly in the context of Technical and Vocational Education and Training (TVET). Skills such as communication, problem-solving, teamwork, leadership, and professionalism are essential to ensure TVET students meet the dynamic demands of the job market. Although

leadership is considered one of the five core generic skills, it has a significant influence on shaping other generic skills. In this regard, the primary objective of this study is to explore theoretical studies on the role of leadership in enhancing generic skills within TVET for graduate employability. This study adopts the Systematic Literature Review (SLR) method to investigate the relationship between leadership practices and the improvement of soft skills among TVET students, focusing on graduate employability. The research process involved reviewing literature from major databases such as Scopus, Web of Science, ResearchGate, and others, using relevant keywords. From the literature review, 21 articles were selected. The findings indicate that leadership traits positively impact the development of students' soft and generic skills, particularly within the TVET domain. This study provides valuable insights for TVET institutional leaders, policymakers, and researchers to develop more targeted strategies for enhancing students' generic skills, thereby improving graduate employability through strategic leadership approaches.

1. Pengenalan

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan rangka kerja pendidikan yang penting untuk melengkapkan individu dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk pekerjaan tertentu. Walaupun tidak ada definisi yang diterima secara universal mengenai TVET, ia secara amnya difahami sebagai satu proses pendidikan yang menggabungkan pendidikan umum dengan pengajian teknologi dan sains berkaitan, dengan fokus pada pemerolehan kemahiran praktikal dan kompetensi yang relevan dengan pelbagai sektor ekonomi (Shahbazi & Ahmady, 2022). Penekanan dua hala terhadap pengetahuan teori dan aplikasi praktikal ini adalah penting untuk mempersiapkan pelajar bagi memenuhi tuntutan pasaran kerja dengan berkesan (Calixte et al., 2019). TVET memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi dengan meningkatkan kebolehpasaran dan menyokong pertumbuhan mampan. Dengan menyediakan latihan yang disasarkan dan selaras dengan keperluan pasaran, program TVET dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan, terutamanya di negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana (Ogur, 2023; Makinde & Bamiro, 2023). Sebagai contoh, kajian menunjukkan bahawa intervensi TVET yang berkesan boleh meningkatkan kebolehpasaran golongan muda, sekali gus menyumbang kepada daya saing ekonomi dan penyertaan sosial (Caves et al., 2021). Integrasi TVET dalam sistem pendidikan negara semakin diiktiraf sebagai strategi untuk menangani kekurangan kemahiran dan meningkatkan kemampuan tenaga kerja dalam menghadapi perubahan teknologi yang pesat (Omar, 2019).

Kepimpinan merupakan aspek utama dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Dengan perubahan dalam pasaran pekerjaan, terdapat peningkatan keperluan terhadap graduan yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal, tetapi juga kemahiran kepimpinan dan interpersonal yang kukuh. Kajian menunjukkan bahawa majikan amat menitikberatkan kemahiran kebolehpasaran seperti kepimpinan, kerja berpasukan, dan komunikasi sebagai atribut penting bagi pekerja masa hadapan (Nugraha et al., 2020; Bassah & Noor, 2023). Keupayaan untuk memimpin dengan berkesan semakin diakui sebagai kemahiran utama dalam pelbagai bidang pekerjaan, yang menyumbang kepada kejayaan individu dan prestasi organisasi. Graduan TVET perlu bersedia untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran kerja yang sentiasa berubah. Keupayaan ini sangat bergantung kepada kemahiran kepimpinan mereka, yang membolehkan mereka menghadapi cabaran dan mengambil peluang dalam persekitaran kerja mereka (Alam & Sharmin, 2023; Mengistu & Negasie, 2022). Walaupun aspek kepimpinan merupakan salah satu kemahiran penting dalam asas kemahiran generik, kepimpinan boleh mempengaruhi kemahiran generik lain dengan lebih mendalam.

Secara umum, kemahiran generik merujuk kepada kebolehan dan kecekapan yang boleh diterapkan dalam pelbagai konteks kehidupan. Kemahiran ini tidak terhad kepada bidang pekerjaan atau disiplin tertentu, tetapi relevan dan berguna dalam pelbagai situasi. Kemahiran ini juga berkait rapat dengan sifat semulajadi individu yang boleh diaplikasikan melalui aktiviti harian dan berhubung dengan pendirian peribadi. Kemahiran generik meliputi pelbagai kecekapan yang boleh dipindahkan dan digunakan dalam pelbagai peranan dan konteks. Ia melebihi kepakaran teknikal dan semakin dihargai oleh majikan kerana peranannya dalam meningkatkan produktiviti tempat kerja, kebolehsuaian, dan prestasi keseluruhan (Ebekozi et al., 2021). Kemahiran generik seperti kerja berpasukan adalah penting untuk penglibatan yang berkesan dengan pelanggan dan klien, yang menunjukkan kebolehgunaan meluas kemahiran ini dalam pelbagai persekitaran kerja (Pagnoccolo & Bertone, 2021). Majikan kini semakin menghargai kemahiran generik seperti komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, dan kreativiti, dengan kesedaran tentang impaknya terhadap prestasi keseluruhan

pekerjaan dan kejayaan organisasi (Messaoudi, 2021). Penekanan pada kemahiran generik ini selaras dengan peralihan ke arah pengiktirafan pembangunan holistik individu yang melangkaui kecekapan teknikal, menyoroti keperluan untuk set kemahiran yang seimbang bagi kejayaan dalam persekitaran kerja masa kini (Messaoudi, 2021). Dalam kajian ini, kemahiran generik yang diberi tumpuan termasuk komunikasi berkesan, penyelesaian masalah, kerja berpasukan, kepimpinan, etika, dan profesionalisme. Kemahiran-kemahiran ini adalah kunci kejayaan di tempat kerja, dalam pendidikan, dan kehidupan seharian, serta membantu individu berkembang dari segi pendirian dan mencapai kejayaan dalam menghadapi cabaran industri yang semakin kompleks.

1.1 Klasifikasi Kemahiran Generik

Kemahiran generik sering diklasifikasikan mengikut keperluan industri, di mana pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti kemahiran yang diperlukan dalam tenaga kerja. Sebagai contoh, Kerangka Kelayakan Malaysia (2005) telah menyediakan garis panduan yang menekankan lapan domain kompetensi bagi penyedia pendidikan tinggi. Antara domain tersebut, lima merujuk kepada kemahiran generik yang dianggap penting, iaitu kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, etika, dan profesionalisme. Walaupun Kerangka Kelayakan Malaysia Edisi kedua (2024) telah dikeluarkan, domain ini terus kekal relevan dan dapat dibandingkan secara universal. Pembahagian kemahiran generik juga diadaptasi daripada kajian Chemeh & Aton (2024) yang memandangkan lima kemahiran tersebut sebagai kemahiran penting dalam konteks generik. Kajian-kajian ini memberikan gambaran jelas mengenai kemahiran yang diperlukan untuk menyokong perkembangan profesional dalam pelbagai industri dan situasi. Tinjauan penyelidikan lepas berkaitan kemahiran generik pekerja dalam pelbagai konteks juga telah dilakukan, yang dapat dilihat dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1 Senarai kemahiran generik yang penting untuk kebolehpasaran graduan berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia 2024 dan kajian daripada Chemeh & Aton (2024)

Bil	Kemahiran Generik
1	Komunikasi
2	Penyelesaian Masalah
3	Kerja Berkumpulan
4	Kepimpinan
5	Etika dan profesionalisme

Komunikasi Komunikasi dianggap sebagai proses pertukaran maklumat, idea, pendapat, atau perasaan antara individu atau kumpulan melalui cara lisan, bukan lisan, atau bertulis. Dalam kajian ini, komunikasi dalam pembelajaran sendiri dilihat sebagai proses di mana pengalaman pembelajaran diurus oleh pelajar secara aktif, dengan pertukaran maklumat dan idea antara pengajar serta penggunaan kemahiran mendengar, bertanya, memberi maklum balas, dan menyampaikan maklumat secara berkesan. Interaksi yang berlaku antara pelajar digalakkan oleh komunikasi yang efektif, yang membantu mengurangkan perasaan kesepian dan menyumbang kepada pembinaan matlamat bersama, kepercayaan, dan keterikatan (Cao, 2023).

Kemahiran generik dalam penyelesaian masalah dianggap sebagai kebolehan untuk mengenal pasti, menganalisis, dan menyelesaikan masalah dengan cara yang berkesan. Pemikiran kritis, kreativiti, dan keupayaan membuat keputusan yang tepat digunakan dalam pelbagai situasi. Secara keseluruhannya, proses ini merangkumi pengenalan masalah, pengumpulan maklumat yang relevan, analisis situasi, penciptaan pelbagai penyelesaian, penilaian penyelesaian yang terbaik, dan pelaksanaan tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut (Özbal et al., 2019).

Kerja berkumpulan dilihat sebagai proses di mana dua atau lebih individu bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama atau menyelesaikan tugas atau projek. Kebolehan, idea, dan usaha ahli kumpulan disumbangkan untuk mencapai hasil yang diinginkan. Dalam pembelajaran, aktiviti seperti pemprosesan maklumat secara kolektif, refleksi bersama, dan perubahan tingkah laku dalam pasukan dilibatkan dalam proses pembelajaran kolaboratif.

Kepimpinan dianggap sebagai kebolehan atau sifat yang mempengaruhi, mengarahkan, dan memimpin individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat atau visi bersama. Kepimpinan dalam pembelajaran pula difahami sebagai amalan pedagogi yang bertujuan memudahkan pembangunan kepimpinan dengan meningkatkan kapasiti individu melalui aplikasi teori dan penyelidikan kepimpinan. Fungsi-fungsi seperti penetapan matlamat sekolah, pemantauan dan penilaian proses pembelajaran, serta penciptaan persekitaran pembelajaran yang menyokong diuruskan dalam kepimpinan.

Etika dianggap sebagai prinsip moral yang menentukan tindakan yang betul dan salah dalam sesuatu konteks, khususnya dalam bidang profesional. Nilai-nilai seperti kejujuran, integriti, keadilan, dan

penghormatan terhadap orang lain dilibatkan dalam etika. Profesionalisme merujuk kepada sikap, tingkah laku, dan kemahiran yang menunjukkan kualiti seorang profesional. Kebolehpercayaan, kecekapan, komitmen terhadap pawaian profesional, serta penghormatan terhadap rakan sekerja dilibatkan dalam profesionalisme. Dalam pendidikan, pembentukan identiti profesional yang dipengaruhi oleh dinamik pengetahuan dan kuasa dilihat sebagai asas profesionalisme (Stephens, 2023). Penambahbaikan berterusan dan penguasaan sifat-sifat penting yang kritikal untuk amalan profesional yang berkesan diperlukan usaha yang berterusan.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur sistematik, khusus bagi menjayakan objektif kajian yang membuktikan peranan kepimpinan terhadap peningkatan kemahiran generik dalam TVET. Pelaksanaan kajian dan penulisan ini hanya merujuk kepada jurnal, artikel, prosiding, dan tesis yang diterbitkan dan dimuat naik dalam pangkalan data Google Scholar, Research Gate dan lain-lain dalam tempoh lima tahun terakhir, bermula dari tahun 2019 hingga 2024. Pencarian dan penapisan data yang relevan dilakukan dengan menggunakan satu kata kunci iaitu "Peranan Kepimpinan terhadap Peningkatan Kemahiran Generik dalam TVET untuk Kebolehpasaran Graduan" sebagai kriteria pencarian. Sebanyak 33 artikel memenuhi syarat berdasarkan tajuk, namun hanya 21 artikel yang benar-benar memenuhi keperluan penyelidikan dan diambil kira dalam pelaporan kajian literatur ini.

3. Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, terdapat 21 artikel yang boleh menyokong dan membuktikan bahawa sifat kepimpinan berperanan penting dalam peningkatan kemahiran generik dalam TVET untuk kebolehpasaran graduan. Bukti dan hasil dapatan kajian telah diolah dan dirumuskan dengan ringkas pada jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 Analisis bukti dan huraian bahawa sifat kepimpinan mempengaruhi kemahiran generik individu

Bil	Penulis	Bukti & Huraian
1	Edokpolor & Abusomwan, 2019	- Latihan kepimpinan dalam program TVET sering merangkumi pembangunan kemahiran generik seperti komunikasi, kerjasama, dan penyesuaian diri yang penting untuk kebolehpasaran - Majikan kini mencari calon yang dapat bekerja dengan baik dalam pasukan dan persekitaran kerja yang berubah-ubah.
2	Mengistu & Negasie, 2022	- Program TVET harus mengintegrasikan latihan kepimpinan ke dalam kurikulum pelajar untuk mempersiapkan graduan menghadapi dunia pekerjaan. - Dengan membangunkan kemahiran kepimpinan, graduan dapat meningkatkan keseluruhan set kemahiran mereka, meningkatkan kebolehpasaran mereka.
3	Sallaly et al., 2023	- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kolaborasi, komunikasi, dan pemikiran kritis. - Kepimpinan mendorong kemas kini kurikulum, menjadikan kandungan pendidikan sentiasa relevan terhadap perubahan pasaran kerja.
4	Okolie et al., 2020	- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pembelajaran berkolaborasi. - Pemimpin yang efektif dalam institusi TVET melaksanakan kaedah pengajaran inovatif seperti pembelajaran berpusatkan pelajar, yang membantu pelajar membangunkan kemahiran kerja berpasukan, dan komunikasi. - Kepimpinan yang kukuh memastikan kurikulum selaras dengan keperluan industri yang memberi kemahiran relevan kepada graduan untuk pasaran kerja.
5	Alam & Sharmin, 2023	- Kepimpinan yang berkesan dalam institusi TVET dapat memudahkan pembangunan kurikulum yang responsif kepada keperluan pasaran. - Kepimpinan dapat mempengaruhi proses pengambilan tenaga pengajar serta pembangunan profesional berterusan. - Kepimpinan juga boleh memupuk budaya yang menghargai pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kemahiran.
6	Chemeh & Aton, 2024	- Kepimpinan membantu pelajar mengasah kemahiran komunikasi melalui dialog terbuka dan maklum balas, penting untuk kebolehpasaran kerja. - Pemimpin TVET menekankan kepentingan kerja berpasukan, membolehkan pelajar belajar bekerjasama, satu kemahiran penting di tempat kerja.

		- Kepimpinan membentuk nilai etika dan profesionalisme, walaupun memerlukan penambahbaikan dalam beberapa aspek. - Pemimpin boleh menjadi model dan mengajar kebolehsuaian serta kecerdasan emosi, yang kritikal dalam persekitaran kerja yang dinamik hari ini.
7	Mwaura et al., 2022	- Kepimpinan dalam institusi TVET memastikan kurikulum selaras dengan kemahiran yang diperlukan industri, meningkatkan kebolehpasaran graduan. - Kepimpinan berkesan memudahkan program penempatan industri yang memberikan pelajar pengalaman dunia sebenar dan kemahiran kerja. - Kepimpinan yang menumpukan pada pembangunan peribadi pelatih membantu meningkatkan kemahiran generik seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah, yang penting untuk kebolehpasaran.
8	Otache, 2021	- Kepimpinan memastikan kurikulum relevan dengan keperluan industri melalui kerjasama dengan pakar industri. - Kepimpinan menyediakan peluang pelajar dan pensyarah untuk terlibat dalam situasi kerja industri. - Kepimpinan yang berkesan mewujudkan budaya kepercayaan dan komitmen dalam kalangan pihak berkepentingan, termasuk pelajar, fakulti, dan rakan industry yang penting untuk menggalakkan kerjasama dan inovasi dalam TVET, yang seterusnya meningkatkan pembangunan kemahiran generik.
9	Pigozne et al., 2019	- Pemimpin yang berkarisma mewujudkan persekitaran pembelajaran yang ideal, meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembangunan kemahiran generik. - Kepimpinan berkesan membentuk budaya organisasi yang mementingkan kepercayaan dan komunikasi, menggalakkan kerja berpasukan dan penyelesaian masalah.
10	Lice & Sloka, 2019	- Pemimpin memastikan kurikulum selaras dengan kemahiran yang diperlukan industri melalui maklum balas majikan. - Pemimpin memastikan penempatan kerja yang berkualiti untuk memberi pengalaman praktikal yang berguna kepada pelajar.
11	Kintu et al., 2019	- Kepimpinan membantu mengenalpasti kemahiran yang dihargai majikan dan menyesuaikan program latihan untuk memenuhi keperluan ini. - Kepimpinan menangani kekurangan kemahiran seperti pengurusan diri dan integriti melalui program latihan yang disasarkan.
12	Smit & Bester, 2022	- Pembangunan kemahiran kepimpinan dan pengurusan pemimpin TVET, meningkatkan kebolehpasaran graduan. - Jurang kemahiran di kalangan pengurus TVET ditangani dan meningkatkan kualiti pendidikan serta kebolehpasaran graduan melalui kepimpinan.
13	Rimal, 2023	- Kepimpinan memastikan kurikulum selaras dengan permintaan pasaran buruh, membantu graduan memperoleh kemahiran yang dicari oleh majikan. - Kepimpinan membantu menyelaraskan latihan dengan keperluan industri melalui kerjasama, meningkatkan kebolehpasaran graduan.
14	Mubanga et al., 2019	- Kepimpinan yang kuat diperlukan untuk membangunkan kurikulum yang merangkumi kemahiran teknikal dan generik seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah, memastikan graduan lebih bersedia menghadapi pasaran kerja.
15	Chughtai, 2019	- Kepimpinan memberi impak yang signifikan terhadap kebolehpasaran graduan dengan mewujudkan persekitaran yang menyokong pembangunan kemahiran generik dan tingkah laku kerjaya yang proaktif.
16	López et al., 2023	- Pemimpin mendorong pendekatan pembelajaran aktif untuk meningkatkan penglibatan dan penyertaan pelajar, seterusnya memupuk pemikiran kritikal dan kemahiran penting lain. - Kepimpinan memacu kolaborasi penyelidikan untuk memperhalusi kaedah membangunkan pemikiran kritikal dan kemahiran generik selaras dengan keperluan pasaran kerja.

17	Zulkifeli et al., 2022	- Kemahiran kepimpinan adalah kompetensi utama yang perlu dipupuk dalam kalangan pelajar. - Kemahiran ini bukan sahaja membantu prestasi individu tetapi juga menyumbang secara berkesan kepada dinamika pasukan dalam organisasi.
18	King et al., 2023	- Kepimpinan memainkan peranan penting dalam memberdayakan guru, yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran generik pelajar. - Guru yang kompeten mampu mempersiapkan pelajar dengan lebih baik untuk keperluan industri, ini termasuk kemahiran praktikal yang penting
19	Noor et al., 2021	- Kempimpinan yang menunjukkan penggunaan teknologi yang berkesan dan menggalakkan pembangunan profesional berterusan mencipta budaya pembelajaran dan inovasi yang memupuk kemahiran generik seperti pemikiran kritis, kebolehsuaian, dan kerjasama, yang dihargai oleh majikan. - Pengetua yang mengamalkan kepimpinan teknologi yang kukuh dapat mewujudkan persekitaran yang mendorong guru untuk mengintegrasikan ICT dalam pengajaran mereka, yang seterusnya meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dan pemerolehan kemahiran mereka.
20	Baha et al., 2020	- Kepimpinan membantu merancang program dan kurikulum yang merangkumi kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah. - Pemimpin memberikan bimbingan kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan membantu mereka dalam perancangan kerjaya. - Kepimpinan boleh memupuk kerjasama antara institusi TVET dan industri. Kerjasama ini boleh membawa kepada peluang latihan praktikal yang meningkatkan kebolehpasaran pelajar.
21	Adnan et al., 2021	- Kepimpinan yang efektif menyelaraskan pembangunan kurikulum dengan keperluan industri, memastikan graduan memperoleh kemahiran teknikal dan insaniah yang relevan. - Penglibatan kepimpinan pelajar dalam proses membuat keputusan memupuk kemahiran seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan tanggungjawab. - Pemimpin boleh menghubungkan pelajar dengan profesional industri untuk membantu mereka memahami kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan, sekaligus meningkatkan identiti profesional dan etika kerja pelajar yang merupakan komponen kritikal untuk kesediaan kerjaya.
22	Razak et al., 2022	- Kepimpinan dalam program TVET memastikan kurikulum selaras dengan standard dan amalan industri yang membantu pelajar memperoleh kemahiran yang relevan dan diperlukan dalam pasaran kerja, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka. - Kepimpinan yang berkesan mewujudkan persekitaran yang menekankan komponen praktikal dan kemahiran psikomotor yang penting untuk melahirkan pelajar yang berkompeten dalam bidang masing-masing, menjadikan mereka lebih menarik kepada majikan. - Peralihan ke arah pembelajaran digital yang dipacu Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) menyerlahkan kepentingan kepimpinan dalam memudahkan perubahan ini yang membantu pelajar membangunkan kemahiran digital. - Kepimpinan memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong dan penuh dengan sumber, yang dapat membantu pelajar berjaya dalam pengajian mereka. - Pemimpin dalam TVET boleh memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat, yang penting dalam pasaran kerja hari ini, di mana kebolehsuaian dan peningkatan kemahiran berterusan adalah kunci kepada kebolehpasaran. - Kepimpinan dapat membantu mengurangkan kadar keciciran dan memastikan pelajar menamatkan pengajian mereka dengan jayanya, melalui pelaksanaan rangka kerja dan sistem sokongan yang berkesan.

Analisis dapatan kajian pula diklasifikasikan mengikut kemahiran generik yang dipengaruhi oleh kemahiran kepimpinan yang penting untuk kebolehpasaran graduan seperti pada jadual 3.2. Perkara ini membuktikan lagi kemahiran-kemahiran generik yang penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET.

Jadual 3.2 Analisis kemahiran generik yang dipengaruhi kemahiran kepimpinan individu

Bil	Kemahiran Generik	Penyelidik
1	Komunikasi	Chemeh & Aton, 2024; Okolie et al., 2020; Edokpolor & Abusomwan, 2019; Sallaly et al., 2023; Nugraha et al., 2020; Alam & Sharmin, 2023; Mwaura et al., 2022; Otache, 2021; Lice & Sloka, 2019; Rimal, 2023; Mubanga et al., 2019; Adnan et al., 2021
2	Penyelesaian Masalah	Chemeh & Aton, 2024; Sallaly et al., 2023; Mwaura et al., 2022; Mubanga et al., 2019
3	Kerja Berkumpulan	Chemeh & Aton, 2024; Okolie et al., 2020; Edokpolor & Abusomwan, 2019; Sallaly et al., 2023; Mwaura et al., 2022; Otache, 2021; Kintu et al., 2019; Rimal, 2023; Mubanga et al., 2019; Noor et al., 2021; Adnan et al., 2021
4	Kepimpinan	Chemeh & Aton, 2024; Edokpolor & Abusomwan, 2019; Mengistu & Negasie, 2022; Sallaly et al., 2023; Okolie et al., 2020; Alam & Sharmin, 2023; Mwaura et al., 2022; Otache, 2021; Rimal, 2023; López et al., 2023; Razak et al., 2022
5	Etika dan profesionalisme	Chemeh & Aton, 2024; Nugraha et al., 2020; Alam & Sharmin, 2023; Mwaura et al., 2022; Otache, 2021; Lice & Sloka, 2019; Kintu et al., 2019; Chughtai, 2019; López et al., 2023; Adnan et al., 2021; Razak et al., 2022

Kajian ini menekankan pentingnya kepimpinan dalam meningkatkan kemahiran generik yang sangat diperlukan untuk kebolehpasaran graduan TVET. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepimpinan yang berkesan memainkan peranan utama dalam meningkatkan kemahiran seperti komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, dan kepimpinan itu sendiri, yang semuanya menjadi ciri penting dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif.

Kepimpinan dalam institusi TVET mempunyai pengaruh yang signifikan dalam pembangunan kemahiran generik. Dapatan daripada kajian oleh Edokpolor & Abusomwan (2019) dan Mengistu & Negasie (2022) menunjukkan bahawa latihan kepimpinan dalam TVET sering kali merangkumi kemahiran generik seperti komunikasi, kerjasama, dan penyesuaian diri, yang amat penting dalam memenuhi keperluan pasaran kerja. Alam & Sharmin (2023) turut menekankan bahawa kepimpinan dalam pendidikan TVET membimbing pengajaran yang dapat menyelaraskan kemahiran teknikal dan insaniah, memastikan graduan lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan yang dinamik. Chemeh & Aton (2024) dan López et al. (2023) menyatakan bahawa pemimpin TVET yang berkesan juga memberikan bimbingan yang penting kepada pelajar. Bimbingan ini membantu pelajar membangunkan kemahiran insaniah seperti komunikasi dan kerja berpasukan, yang sangat dihargai oleh majikan. Selain itu, pemimpin yang memberi sokongan dan panduan meningkatkan etika profesional pelajar, yang merupakan elemen utama dalam kebolehpasaran mereka.

Dalam era persaingan global yang semakin sengit, majikan bukan sahaja mencari graduan dengan kemahiran teknikal tetapi juga individu yang memiliki kebolehan adaptasi dan kemahiran generik yang tinggi. Dalam hal ini, kepimpinan memainkan peranan penting sebagai pemangkin untuk membentuk dan memperkukuhkan kemahiran generik dalam kalangan pelajar TVET. Pemimpin, sama ada dalam kalangan pentadbir, tenaga pengajar, atau pemimpin pelajar, dapat mempengaruhi pendekatan pembelajaran, strategi pembangunan diri, dan peluang pendedahan praktikal pelajar kepada dunia pekerjaan. Melalui kepimpinan yang berkesan, pelbagai inisiatif boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran digital seperti yang dipacu oleh Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) (Razak et al., 2022; Noor et al., 2021).

Selain mempengaruhi kemahiran generik, skop kepimpinan juga mengimpak kurikulum yang membentuk pelajar. Menurut kajian Sallaly et al. (2023) dan Okolie et al. (2020), integrasi latihan kepimpinan dalam kurikulum adalah penting untuk mempersiapkan graduan menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan. Program TVET yang menggabungkan latihan kepimpinan membantu graduan meningkatkan kemahiran generik mereka, seperti kepimpinan dan penyelesaian masalah, yang memberi kelebihan kompetitif di pasaran kerja. Otache (2021) dan Mubanga et al. (2019) menegaskan bahawa kepimpinan dalam TVET memastikan kurikulum diselaras dengan keperluan industri melalui kerjasama dengan pakar industri. Ini memberikan graduan peluang untuk mendapatkan kemahiran yang relevan dan tepat yang diperlukan oleh majikan dalam pelbagai sektor industri. Kepimpinan yang berkesan memastikan penempatan industri yang berkualiti, yang membolehkan pelajar memperoleh pengalaman praktikal yang diperlukan untuk membina kemahiran kerja yang sebenar.

4. Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa kepimpinan yang berkesan memainkan peranan utama dalam meningkatkan kemahiran generik pelajar TVET, yang secara langsung meningkatkan kebolehpasaran mereka di pasaran kerja. Melalui latihan yang strategik, pemberdayaan pelajar, dan kerjasama dengan industri, kepimpinan dapat memastikan graduan lebih bersedia dan berdaya saing dalam dunia pekerjaan. Kepimpinan dalam TVET bukan sahaja memfokuskan pada kemahiran teknikal, tetapi juga pada pembangunan kemahiran generik yang sangat diperlukan oleh graduan untuk berjaya di tempat kerja. Dengan pendekatan kepimpinan yang strategik dan berfokus kepada keperluan industri, institusi TVET dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan serta memastikan mereka lebih bersedia menghadapi cabaran dalam persekitaran kerja yang berubah-ubah.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan membantu menyiapkan kajian ini, terutamanya kepada rakan-rakan seperjuangan dan pensyarah yang memberi bimbingan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa penghasilan kajian ini tidak mengandungi sebarang kepentingan peribadi.

Kenyataan Sumber Penulis

Pengkaji mengesahkan bahawa sumbangan setiap penulisan terhadap kajian penelitian ini adalah seperti berikut: konsep, reka bentuk kajian dan pengumpulan data: Mohd Aiiman Farmadii Mohd Sarofil; analisis dan tafsiran keputusan: Marina Ibrahim Mukhtar; Penyediaan manuskrip: Mohd Aiiman Farmadii Mohd Sarofil dan Marina Ibrahim Mukhtar.

Rujukan

- Adnan, A. H. M., Rahmat, A. M., Mohtar, N. M., & Anuar, N. (2021). Industry 4.0 critical skills and career readiness of ASEAN TVET tertiary students in Malaysia, Indonesia and Brunei. *Journal of Physics Conference Series*, 1793(1), 012004. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1793/1/012004>
- Alam, M. and Sharmin, D. (2023). Skills development for graduate employability in bangladesh: japanese language in tvet program. *Journal of Technical Education and Training*, 15(2). <https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.02.007>
- Baha, N. a. D., Mansur, M., & Ismail, M. A. (2020). Potensi Kebolehpasaran Bakal Graduan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (Employability Potential of the Faculty of Economics and Management Future Graduates). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(02). <https://doi.org/10.17576/jpen-2020-45.02-02>
- Bassah, N. and Noor, M. (2023). Employability skills needed for tvet graduates in malaysia: perspective of industry expert. *Online Journal for Tvet Practitioners*, 8(1). <https://doi.org/10.30880/ojtp.2023.08.01.005>
- Calixte, C., Roberts, T., & Bunch, J. (2019). The balance of theoretical and practical skills in agricultural technical schools in Haiti: an exploration of the curriculum. *Journal of International Agricultural and Extension Education*, 26(2), 14-28. <https://doi.org/10.5191/jiaee.2019.26202>
- Cao, W. and Yu, Z. (2023). Exploring learning outcomes, communication, anxiety, and motivation in learning communities: a systematic review. *Humanities and Social Sciences Communications*, 10(1). <https://doi.org/10.1057/s41599-023-02325-2>
- Caves, K., Ghisletta, A., Kemper, J., McDonald, P., & Renold, U. (2021). Meeting in the middle: TVET programs' education-employment linkage at different stages of development. *Social Sciences*, 10(6), 220. <https://doi.org/10.3390/socsci10060220>
- Che Meh, N. H. (2022). TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DIKALANGAN PELAJAR POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN, PERLIS. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi Dan Sains Sosial; International Conference on Research and Innovation in Sustainable Cities @ PUO*. <https://www.researchgate.net/publication/377440720>
- Chughtai, A. (2019). Servant leadership and perceived employability: proactive career behaviours as mediators. *Leadership & Organization Development Journal*, 40(2), 213-229. <https://doi.org/10.1108/lodj-07-2018-0281>

- Ebekozien, A., Aigbavboa, C., Thwala, W., Aigbedion, M., & Ogbaini, I. (2021). An appraisal of generic skills for nigerian built environment professionals in workplace: the unexplored approach. *Journal of Engineering Design and Technology*, 21(6), 1841-1856. <https://doi.org/10.1108/jedt-09-2021-0453>
- Edokpolor, J. and Abusomwan, V. (2019). Students' potential abilities as correlates of self-employment start-up intentions: evidence from private sector-led technical and vocational education institutions in nigeria. *International Journal of Learning Teaching and Educational Research*, 18(9), 146-169. <https://doi.org/10.26803/ijlter.18.9.8>
- King, Y. K., Nor, M. Y. M., & Alias, B. S. B. (2023). Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Hubungannya dengan Kompetensi Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002141. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2141>
- Kintu, D., Kitainge, K. M., & Ferej, A. (2019). Employers' Perceptions about the Employability of Technical, Vocational Education and Training Graduates in Uganda. *Advances in Research*, 1-17. <https://doi.org/10.9734/air/2019/v18i230087>
- Lice, A., & Sloka, B. (2019). Performance of Vocational Education In Latvia In Developing Employability of Graduates. *Society Integration Education Proceedings of the International Scientific Conference*, 5, 222. <https://doi.org/10.17770/sie2019vol5.3975>
- López, F., Contreras, M., Nussbaum, M., Paredes, R., Gelerstein, D., Alvares, D., & Chiuminatto, P. (2023). Developing critical thinking in technical and vocational education and training. *Education Sciences*, 13(6), 590. <https://doi.org/10.3390/educsci13060590>
- Makinde, W., & Bamiro, T. (2023). Service quality of teaching vocational education and training (TVET) and student's satisfaction in Nigeria. *Journal of Pedagogy and Education Science*, 2(01), 10-25. <https://doi.org/10.56741/jpes.v2i01.157>
- Mengistu, A. and Negasie, R. (2022). Evaluating the employability and entrepreneurial skills and the impact on employment of public tvet graduates. *Education Journal*, 11(3), 85. <https://doi.org/10.11648/j.edu.20221103.11>
- Messaoudi, M. (2021). Soft skills: connecting classrooms with the workplace—a systematic review. *Universitepark Bülten*, 10(2). <https://doi.org/10.22521/unibulletin.2021.102.2>
- Mubanga, P., Hock, O. Y., Karim, A. M., Senter, Z., Mulenga, I. M., & Preckler, M. (2019). Harnessing technical and vocational education and training and entrepreneurship education to address unemployment in Lusaka province, Zambia. *Open Journal of Social Sciences*, 07(05), 153-179. <https://doi.org/10.4236/jss.2019.75013>
- Mwaura, A. N., Mugwe, M., Edabu, P., & Thinguri, R. (2022). Effectiveness of industrial attachment exposure in developing trainees' employability skills from tvet institutions in nairobi county. *East African Journal of Education Studies*, 5(2), 275-285. <https://doi.org/10.37284/eajes.5.2.771>
- Noor, Siti & Omar, Mohd Norakmar & Raman, Arumugam. (2021). The authority of principals' technology leadership in empowering teachers' self-efficacy towards ICT use. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*. 10. 878-885. <https://doi.org/10.11591/ijere.v10i3.21816>
- Nugraha, H., Kencanasari, R., Komari, R., & Kasda, K. (2020). Employability skills in technical vocational education and training (tvte). *Innovation of Vocational Technology Education*, 16(1), 1-10. <https://doi.org/10.17509/invotec.v16i1.23509>
- Ogur, E. (2023). TVET, economy, and sustainable development. *International Journal of Vocational and Technical Education*, 15(2), 12-17. <https://doi.org/10.5897/ijvte2022.0315>
- Okolie, U., Elom, E., Igwe, P., Nwajiuba, C., Binuomote, M., & Igu, N. (2020). How tvet teachers foster employability skills: insights from developing countries. *International Journal of Training Research*, 18(3), 231-249. <https://doi.org/10.1080/14480220.2020.1860301>
- Omar, I. (2019). Effect of lecturer's transformational leadership on students' employability: Malaysian technical and vocational education & training institutions. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 7(2), 72-91. <https://doi.org/10.22452/mojem.vol7no2.4>
- Otache, I. (2021). Enhancing graduates' employability through polytechnic-industry collaboration. *Industry and Higher Education*, 36(5), 604-614. <https://doi.org/10.1177/09504222211063140>
- Özbal, A. F., Balibey, K., Meral, A., & Aliç, S. (2019). Examining the attitudes and problem solving skills of physical education and sports students. *Universal Journal of Educational Research*, 7(3), 820-823. <https://doi.org/10.13189/ujer.2019.070323>

- Pagnoccolo, J. and Bertone, S. (2021). The apprentice experience: the role of interpersonal attributes and people-related generic skills. *Education + Training*, 63(2), 313-327. <https://doi.org/10.1108/et-05-2020-0116>
- Pigozne, T., Surikova, S., Gonzalez, M. J. F., Medveckis, A., & Pigoznis, A. (2019). PEDAGOGICAL LEADERSHIP ASPECTS OF LATVIAN VOCATIONAL EDUCATION INSTITUTIONS' LEADERS. *SOCIETY INTEGRATION EDUCATION Proceedings of the International Scientific Conference*, 3, 335. <https://doi.org/10.17770/sie2019vol3.3996>
- Razak, A. N. A., Noordin, M. K., & Khanan, M. F. A. (2022). Digital learning in Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Public University, Malaysia. *Journal of Technical Education and Training*, 14(3). <https://doi.org/10.30880/jtet.2022.14.03.005>
- Rimal, I. (2023). Effectiveness of vocational training on light vehicle mechanics in Underprivileged Children's Educational Programs, Nepal. *Journal of Technical and Vocational Education and Training*, 17(1), 57-64. <https://doi.org/10.3126/tvet.v17i1.52419>
- Sallaly, M. E. a. E., Riungu, F. K., PhD, & Rintari, A., PhD. (2023). THE IMPACT OF CURRICULUM IMPLEMENTATION STRATEGIES ON GRADUATE EMPLOYABILITY IN TVET INSTITUTIONS IN KENYA. A CASE OF NAIROBI METROPOLITAN COUNTIES. *Strategic Journal of Business & Change Management*, 10(3). <https://doi.org/10.61426/sjbcm.v10i3.2691>
- Shahbazi, S., & Ahmady, S. (2022). Key skills in technical and vocational education & training system: a scoping review. *International Journal of Health Sciences*, 47999-48010. <https://doi.org/10.53730/ijhs.v6ns7.13414>
- Smit, T., & Bester, S. (2022). TVET leaders' experiences of an enquiry-based blended-learning programme. *Journal of Vocational, Adult and Continuing Education and Training*, 5(1), 20. <https://doi.org/10.14426/jovacet.v5i1.250>
- Stephens, J. (2023). 'Not always so': Embracing process in the development of curricula for contemporary person-centred healthcare professional education. *Journal of Evaluation in Clinical Practice*, 29(5), 785-792. <https://doi.org/10.1111/jep.13833>
- Zulkifeli, M. F., Ishar, M. I. M., & Hamid, M. Z. A. (2022). Elemen kemahiran insaniah pelajar pendidikan TVET semasa menjalani latihan praktikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001659. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1659>